

# UMP lancar aplikasi kesan sijil palsu

[FOTO MUHD ASYRAF SAWAL/BH]

**Kuantan:** Universiti Malaysia Pahang (UMP) semalam melancarkan dua aplikasi menggunakan teknologi 'blockchain' yang akan memanfaatkan pelajar, kakitangan, alumni dan bakal majikan graduan universiti awam berkenaan.

Aplikasi berkenaan ialah UMP Valid8, iaitu aplikasi pengesahan sijil menggunakan sistem kod QR untuk memastikan kesahihan sijil pelajar universiti itu.

Selain itu, UMP Xchain, iaitu dompet mudah alih yang membolehkan pengguna membuat pembayaran menggunakan kod QR.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Seri Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata penggunaan teknologi blockchain dapat menyimpan data di pelbagai lokasi dan tidak mudah digodam pihak luar.

"Setiap sijil dilengkapi kod QR yang unik bagi memastikan kesahihan maklumat pelajar pada sijil graduan dan dengan mengimbas kod terbabit, kita dapat melihat maklumat seperti paparan gambar, nama, program pengajian dan tahun graduasi.

## Mudahkan proses bayaran

"Bagi aplikasi UMP Xchain pula, pengguna iaitu pelajar dan kakitangan universiti ini boleh membuat pembayaran di kafe, kedai dan unit bendahari menggunakan telefon pintar bagi proses transaksi pembayaran," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media majlis pelancaran dua aplikasi berkenaan di UMP kampus Gambang, di sini.

Yang turut hadir, Pengarah Pusat Kecemerlangan IBM, Dr Mohamed Ariff Ameen dan Dekan Fakulti Pengurusan Industri (FIM), Prof Madya Dr Mohd Ridzuan Darun.

Daing Nasir berkata, sistem yang dibangunkan itu boleh merekodkan maklumat pendidikan pelajar UMP dan aplikasi UMP Valid8 akan digunakan sepenuhnya pada Konvokesyen UMP tahun ini.

Katanya, projek perintis hasil Pusat Kecemerlangan IBM dengan kerjasama FIM bersama kumpulan Alumni UMP itu menjadikan universiti berkenaan selangkah ke hadapan dalam memajukan teknologi.



**Dr Daing (kiri) mencuba aplikasi UMP Valid8 untuk mengesahkan ketulenan ijazah pada majlis pelancaran aplikasi itu di UMP kampus Gambang, Kuantan, semalam.**